



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 45/2025

ASEAN Y-RoboC'25 dan Hari Kerjaya TVET ILKBS Zon Timur 2025 Dilancarkan Di Kelantan

Malaysia Satukan Belia ASEAN Melalui Robotik, Kemahiran dan Kerjaya
Menjelang Kepengerusian ASEAN 2025

3 JULY 2025

Kota Bharu, 3 Julai 2025 – Cabaran Robotik Belia ASEAN 2025 (ASEAN Y-RoboC'25) dan Hari Kerjaya TVET ILKBS Zon Timur 2025 telah dilancarkan secara rasmi hari ini oleh Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YB Hannah Yeoh bertempat di Mydin Tunjong Hypermarket, Kelantan.

Program ini merupakan antara inisiatif utama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 yang akan diterajui Malaysia, di bawah tema “Keterangkuman dan Kemampanan”. Ia menghimpunkan belia dari seluruh Asia Tenggara bagi menonjolkan kepentingan inovasi digital dan memperkukuh kesiapsiagaan tenaga kerja masa hadapan.

“ASEAN Y-RoboC'25 bukan sekadar pertandingan robotik, tetapi satu gerakan serantau yang mencerminkan semangat perpaduan, kreativiti dan aspirasi bersama belia ASEAN,” ujar YB Hannah Yeoh dalam ucapan pelancaran beliau.

Sebanyak 12 pasukan belia dari keseluruhan 10 negara anggota ASEAN telah mengambil bahagian dalam edisi kali ini, termasuk penyertaan dari Timor-Leste yang kini memegang status pemerhati ASEAN dan dijangka menyertai sebagai anggota penuh menjelang akhir tahun ini. Program ini turut menyokong Pelan Kerja Belia ASEAN 2021–2025 yang memberi fokus kepada pengukuhan kemahiran digital, inovasi yang

digerakkan oleh belia serta kerjasama serantau yang inklusif.

Dalam waktu yang sama, berlangsung Hari Kerjaya TVET ILKBS Zon Timur 2025 melibatkan enam Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) seperti IKTBN Bachok, IKBN Tanah Merah, IKBN Kemasik, IKBN Wakaf Tapai, IKBN Pekan dan IKTBN Temerloh. Inisiatif ini menghubungkan para graduan secara langsung dengan pihak industri melalui dialog industri, temu duga terbuka serta pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU). Sebanyak 16 syarikat dan industri mengambil bahagian dalam sesi pengambilan pekerja dengan sokongan daripada PERKESO, manakala empat agensi kerajaan turut serta membuka ruang pameran kerjaya.

KBS menegaskan bahawa pelaksanaan inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh kebolehpasaran graduan, di mana graduan ILKBS kini mencatatkan kadar kebolehpasaran melebihi 95%, melibatkan graduan yang berjaya mendapat pekerjaan, memulakan perniagaan sendiri mahupun yang melanjutkan pengajian. Pencapaian ini selari dengan Dasar TVET Negara serta aspirasi Malaysia untuk mencapai 35% tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2030.

Dengan menggabungkan pertandingan robotik serantau dan platform pembangunan kerjaya yang strategik, kedua-dua acara ini menyediakan ruang menyeluruh kepada belia untuk menonjolkan kreativiti, mengaplikasikan kemahiran teknikal serta meneroka laluan kerjaya sebenar. Inisiatif ini bukan sahaja mampu mencetuskan pertumbuhan ekonomi berasaskan inovasi, malah mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam usaha memperkasa belia, memperluas keterangkuman digital dan mempererat kerjasama ASEAN secara menyeluruh.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

